



Headline: Kes Macau Scam meningkat 65.6%  
Publication/Portal: Harian Metro  
Date: 19 April 2019

Language: Malay  
Section: Setempat  
Page: 4

**Klang**

## Kes Macau Scam meningkat 65.6%

Meskipun pelbagai siri pendedahan dan tangkapan membabitkan konco Macau Scam dilakukan pihak berkuasa namun masih ada dalam kalangan masyarakat yang menjadi mangsa.

Perkara itu dibuktikan menerusi statistik Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Klang Utara sepanjang tahun lalu yang menunjukkan peningkatan 65.6 peratus berbanding tahun sebelumnya dengan jumlah kerugian lebih RM7 juta.

Ketua Polis Daerah Klang Utara Asisten Komisioner Nurulhuda Mohd Salleh berkata, seramai 32 mangsa dengan 19 daripadanya wanita berusia 41 hingga 60 tahun menjadi mangsa sindiket Macau Scam tahun lalu.

Menurutnya, jumlah itu meningkat hampir dua kali ganda berbanding 11 mangsa direkodkan pada 2017.

“Seramai tujuh lelaki dan empat wanita berusia 41 hingga 60 tahun yang direkodkan mengalami kerugian serta menjadi mangsa sindiket ini pada 2017.

“Bagaimanapun, trend berubah pada tahun lalu apabila sindiket menyasarkan lebih ramai wanita hingga jumlah mereka meningkat mendadak,” katanya kepada Harian Metro.

Beliau berkata, pihaknya turut merekodkan peningkatan statistik jenayah belian dalam talian iaitu 25.4 peratus tahun lalu.